



Ruj. Kami: SPA(KT)217/3095 Jld.6 (13)

Tarikh: 14 Ogos 2020

Pengurus Sumber Manusia Kementerian  
Pengurus Sumber Manusia Jabatan Persekutuan  
Pengurus Sumber Manusia Kerajaan Negeri Melaka  
Pengurus Sumber Manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pengurus Sumber Manusia Kerajaan Negeri Sembilan  
Pengurus Sumber Manusia Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN MODUL PENENTUAN STATUS TAWARAN CALON YANG MENGHIDAP MASALAH KESIHATAN MELALUI SISTEM TAWARAN PELANTIKAN (MySTP)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan maklum, setiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar. Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan tidak boleh menerima mana-mana pegawai yang melapor diri bertugas jika calon belum memenuhi syarat pelantikan termasuk mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan. Berdasarkan kepada peraturan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah menambahbaik prosedur melaporkan diri bertugas dengan memperluaskan modul dalam **Sistem Tawaran Pelantikan (MySTP)** bagi mendapatkan maklumat status laporan pemeriksaan kesihatan calon. Pelaksanaan modul ini membolehkan SPA membuat penentuan status tawaran calon yang menghidap masalah kesihatan sebelum calon melapor diri bertugas.

3. Berdasarkan penambahbaikan ini, Ketua Jabatan boleh mengeluarkan surat arahan melapor diri bertugas kepada calon yang berstatus sihat atau calon yang mempunyai masalah kesihatan yang dikekalkan tawaran pelantikannya oleh SPA. Ketua Jabatan dan calon yang mempunyai masalah kesihatan boleh menyemak status tawaran pelantikan bagi calon yang tidak sihat sama ada tawaran pelantikan dikekalkan atau dibatalkan melalui MySTP. Modul Penentuan Status Tawaran Calon Yang Menghidap Masalah Kesihatan melalui MySTP akan berkuat kuasa bagi tawaran pelantikan yang dikeluarkan mulai 1 September 2020.

4. Perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memastikan urusan ini dilaksanakan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZOHARI BIN SAID)**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Malaysia

¶ : 03-8091 9003

¶ : [zohari@spa.gov.my](mailto:zohari@spa.gov.my)